



**JABATAN LANDSKAP NEGARA  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**



Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor - kontraktor yang Berdaftar di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di negeri **Selangor / Wilayah Persekutuan Putrajaya / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** sahaja / Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

<b>PEJABAT YANG MEMANGGIL SEBUT HARGA</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>TARAF/ JENIS SYARIKAT</b>	<b>GRED, KATEGORI &amp; PENGKHUSUSAN/KELAS</b>	<b>TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN MULA DIJUAL</b>	<b>HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA</b>	<b>TEMPAT, TARikh DAN MASA SEBUT HARGA DITUTUP</b>
Jabatan Landskap Negara, Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Kerajaan Parcel F, Lebuh Perdana Timur, Presint 1, 62000 WP Putrajaya	<b>No. Sebut Harga : JLN/SH/01/2020</b>  <b>Tajuk Projek:</b>  <b>KERJA – KERJA MEROBOH DAN MEMBAIK PULIH SEMULA SERTA KERJA – KERJA BERKAITAN DI PEJABAT LAMA JABATAN LANDSKAP NEGARA, PLAZA PERMATA – IGB, KUALA LUMPUR</b>	Bumiputera  Syarikat 100% milik tempatan	i. Berdaftar dengan CIDB Gred G2 Kategori B04 Kerja Am Bangunan atau B28 Kerja – Kerja Ubahsuai  ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan  iii. Sijil Taraf Bumiputera	Jabatan Landskap Negara, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Kerajaan Parcel F, Lebuh Perdana Timur, Presint 1, 62000 WP Putrajaya  Tarikh Serahan Dokumen:  <b>20 Februari 2020 (Khamis)</b>  <b>(Serahan bermula selepas taklimat dan lawatan tapak)</b>	<b>Percuma</b>	Jabatan Landskap Negara, Peti Tender Bahagian Kontrak & Ukur Bahan Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Kerajaan Parcel F, Lebuh Perdana Timur, Presint 1, 62000 WP Putrajaya  <b>Tarikh Tutup Sebut Harga:</b>  <b>26 Februari 2020 (Rabu)</b>  <b>Waktu:</b>  <b>12.00 tengah hari</b>

**TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN**

Tempat Dan Tarikh Melapor Diri Bagi Lawatan Tapak:

**20 Februari 2020 (Khamis) jam 10.00 pagi di Tingkat 7, Plaza Permata – IGB, Kuala Lumpur**  
**(Pendaftaran bermula pada pukul 9.00 pagi)**  
**Kenderaan tidak disediakan pada waktu lawatan tapak.**

**PERINGATAN :**

Sebut Harga ini mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau Sijil SPKK sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak, wakil adalah TIDAK dibenarkan. Sila bawa bersama SIJIL ASAL dan Salinan Pendaftaran PKK, SPKK, Sijil Taraf Bumiputera dan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan) semasa taklimat dan lawatan tapak. Tarikh laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebut harga. Dokumen Sebut Harga tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak yang telah ditetapkan.

**Penyebut Harga TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai taklimat sebut harga dan seterusnya menyertai sebut harga ini sekiranya Penyebut Harga didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan semasa taklimat tapak diadakan. Mana – mana Penyebut Harga yang mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Di Luar Bidang Pengkhususan" atau surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga bagi Gred yang lebih tinggi / rendah" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**.

**SILA BAWA COP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENDAFTARAN SEMASA TAKLIMAT TAPAK DIJALANKAN.**

1. Dokumen Sebut Harga boleh didapatkan di Jabatan Landskap Negara (Putrajaya) pada waktu pejabat mulai **20 Februari 2020 (Khamis)**.
2. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Jabatan Landskap Negara, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Kerajaan Parcel F, Lebuh Perdana Timur, Presint 1, 62000 WP Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 26 Feb 2020 (Rabu)** bagi **Sebut Harga No. JLN/SH/01/2020** dan Kementerian Wilayah Persekutuan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dikemukakan melalui pos. Kementerian Wilayah Persekutuan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
3. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat [www.jln.gov.my](http://www.jln.gov.my) dan web rasmi Kementerian Wilayah Persekutuan di alamat [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my) dan web myprocurement di alamat [www.myprocurement.treasury.gov.my](http://www.myprocurement.treasury.gov.my).